



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI PERPADUAN NEGARA**

Berikut merupakan penjelasan lanjut mengenai penstrukturan dan penyusunan semula agensi di Kementerian Perpaduan Negara (KPN) terutamanya berhubung Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (LWHNPP). Untuk makluman, LWHNPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1906 di bawah Ordinan Wakaf - Wakaf Hindu (Ordinan 17), tahun 1905. LWHNPP adalah sebuah Badan Berkanun yang telah ditubuhkan untuk:

- mentadbir, menyelenggara dan menyelia wakaf-wakaf hindu yang telahpun diberi atau akan diberi untuk maksud keagamaan, kebajikan, khairat dan memberi manfaat termasuk pendidikan;
- menyimpan kira-kira harta benda termasuk wang dan barang-barang kemas wakaf dan kuil berkenaan

Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, pentadbiran Lembaga diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sejak itu hingga masa kini, Pengerusi Lembaga adalah dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan persetujuan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perpaduan Negara hanya memantau di bawah Akta Tugas-Tugas Menteri 1969 serta membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LWHNPP kepada Jemaah Menteri dan Parlimen. Antara kementerian yang pernah membentangkan laporan adalah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia dari tahun 2000 hingga 2005; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dari tahun 2005 hingga 2014; Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Sumber Manusia.

Oleh itu, ingin saya tegaskan bahawa kuasa autonomi, kawal selia dan eksekutif LWHNPP ini masih kekal di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kementerian Perpaduan Negara amat mengalu-alukan kerjasama strategik antara kerajaan negeri dan persekutuan dalam memperkasakan lembaga ini.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG**  
**MENTERI PERPADUAN NEGARA**  
**6 JANUARI 2024**